
SIARAN BERITA

MyCC MENJALIN HUBUNGAN ERAT DENGAN PPIM

KUALA LUMPUR, 09 Januari 2015 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah bertemu dengan Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) semalam bagi menjelaskan kenyataan PPIM sebelum ini mengenai isu harga dan bagi menjalin kerjasama erat mengenai sebarang kemungkinan berhubung amalan antipersaingan.

"Kenaikan harga itu sendiri bukanlah perlakuan antipersaingan. Tetapi jika kenaikan harga hasil dari pakatan sulit melalui perjanjian-perjanjian penetapan harga oleh mana-mana persatuan atau mana-mana kumpulan penjual, pembekal atau pengeluar, ianya boleh disiasat di bawah Seksyen 4 daripada Akta Persaingan 2010," kata Dr. Mohd Khalid Abdul Samad, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC yang baru dilantik.

"Kami ambil maklum keperihatinan PPIM mengenai kemungkinan terdapatnya pakatan oleh peniaga untuk menetapkan harga tinggi dan berharap untuk bekerjasama dengan PPIM dalam memperolehi petunjuk mengenai kes-kes seperti itu di peringkat akar umbi," tambahnya lagi.

Berkenaan kerjasama ini, Ketua Aktivis PPIM Dato' Nadzim Johan berkata, "Sebagai pengawal selia pengguna, PPIM sentiasa berada dihadapan dalam memperjuangkan isu-isu yang dapat membantu pengguna. Saya berharap dapat bekerja secara lebih efektif dengan pihak MyCC dalam mengenalpasti mana-mana perlakuan antipersaingan oleh peniaga-peniaga yang membebankan pengguna."

Seksyen 4 daripada Akta Persaingan 2010 melarang perusahaan, termasuk persatuan, dari menetapkan, secara terus atau secara tidak langsung satu pembelian atau harga

jualan atau mana-mana keadaan perdagangan lain untuk pembelian barang-barang dan perkhidmatan.

Akta Persaingan 2010 telah berkuatkuasa sejak 1 Januari 2012 dan persatuan serta perusahaan perlu mematuhi perundangannya. Suruhanjaya boleh mengenakan penalti kewangan, yang tidak melebihi daripada 10% pendapatan sedunia perusahaan tersebut sepanjang tempoh pelanggaran Akta ataupun mengenakan mana-mana arahan lain dianggap sesuai untuk memastikan Akta Persaingan 2010 dipatuhi oleh persatuan dan perusahaan pada masa akan datang.

Orang awam yang mempunyai maklumat berkenaan kelakuan oleh persatuan dan perusahaan perniagaan yang sedang atau telah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti penetapan harga perlu menghubungi MyCC di +603-2273 2277 atau melalui e-mel di complaints@mycc.gov.my.

Untuk maklumat lanjut mengenai MyCC dan Akta Persaingan 2010, sila rujuk laman web www.mycc.gov.my.

---tamat---

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Rowena Wong, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: rowena@mycc.gov.my

Anis Syafiq, Tel +603 2273 2277 (ext 217), Email: anis@mycc.gov.my

Unit Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Butiran mengenai Sekysen 4 (1) dan (2) Akta Persaingan 2010. Perjanjian mendatar dan menegak yang dilarang adalah seperti berikut:

4. (1) Suatu perjanjian mendatar atau menegak antara perusahaan adalah dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), suatu perjanjian mendarat antara perusahaan yang mempunyai matlamat untuk—

- (a) menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain;
- (b) berkongsi pasaran atau punca bekalan;
- (c) membataskan atau mengawal—
 - (i) pengeluaran;
 - (ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;
 - (iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau
 - (iv) pelaburan; atau
- (d) melakukan tipuan bida, adalah disifatkan mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

*“Perjanjian mendarat” ertinya suatu perjanjian antara perusahaan yang setiapnya beroperasi pada peringkat yang sama dalam rangkaian pengeluaran atau pendedaran; “Perjanjian menegak” ertinya suatu perjanjian antara perusahaan yang setiapnya beroperasi pada peringkat yang berlainan dalam rangkaian pengeluaran atau pendedaran.

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web www.mycc.gov.my.